

## Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Ilmu Taranum al-Quran

Khalid Isa<sup>1</sup>

Muhammad Lukman Ibrahim<sup>2</sup>

Mahyudin Daud<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Kepakaran dan keilmuan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam pengajian al-Quran amat meluas terutama dalam ilmu tajwid dan taranum. Ketokohan beliau dalam bidang ini bukan sahaja menyebabkan seluruh masyarakat Malaysia mengagumi dan menyanjungi beliau bahkan menarik perhatian ulama semasa. Beliau mempunyai metode yang tersendiri dan istimewa dalam teknik pengajaran dan pembelajaran ilmu taranum al-Quran yang tidak sama dengan tokoh-tokoh yang lain. Namun sehingga hari ini, metode tersebut belum pernah didokumentasikan untuk didedahkan kepada masyarakat umum. Hal tersebut agak merugikan kerana ditakuti keistimewaan metode pengajaran dan pembelajaran ilmu taranum beliau akan hilang begitu sahaja sesudah peninggalannya. Kajian berbentuk kualitatif ini mengumpul data daripada sorotan dokumentasi dan kajian lapangan. Oleh kerana Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari masih hidup dan pendokumentasian bersabit riwayat hidup beliau amat sedikit, pengkaji lebih banyak bersandarkan kepada data-data lapangan melalui metode temubual dengan beliau sendiri. Hasil kajian mendapati, riwayat hidup beliau sangat menarik dan metode pengajaran serta pembelajaran ilmu taranum beliau sangat istimewa dan berbeza.*

**Kata kunci:** *Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, metodologi pengajaran dan pembelajaran, ilmu Taranum*

<sup>1</sup> Pelajar yang sedang menyambung Ph.D di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama, merupakan salah seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang berkhidmat di bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).

<sup>2</sup> Pensyarah Program Pendidikan Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur. Beliau orang yang pertama di Malaysia mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Taranum Al-Quran.

<sup>3</sup> Fellow SLAB di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri dan merupakan calon PhD di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

## PENGENALAN

Perkataan taranum (ترنم) dari sudut bahasa Arab adalah kata terbitan daripada kata dasar ترنم yang bermaksud berdendang atau menyanyi. Perkataan tersebut diambil daripada kata dasar رنم yang membawa maksud menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.<sup>4</sup> Selain memakai perkataan taranum untuk mengibaratkan kelakuan menyanyi dan memperelokkan suara, ia juga memakai antara lain perkataan *al-laḥn*<sup>5</sup> (الحن), *al-ghinā'* (الغناء), *tarjī' al-ṣawt* (ترجييع الصوت), *al-taṭrīb*<sup>6</sup> (تطريب), *taḥsīn al-ṣawt* (تحسين الصوت), *taḥsīn al qirā'ah* (تحسين القراءة), *al-jahr bi al-Qur'ān* (الجهر بالقرآن), *raf'u al-ṣawt* (رفع الصوت), *al-qirā'ah al-mujawwadah* (القراءة المجدودة)<sup>7</sup> *al-tagħanni* (التغني)<sup>8</sup> dan *al-naghamat* (النعومات).

Dari sudut istilah pula ia membawa maksud ilmu atau kaedah suara yang dibunyikan menerusi nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan kelunakan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya bacaan al-Quran.<sup>9</sup> Istilah ini lebih banyak diguna pakai dan paling dikenali di Malaysia untuk menunjukkan lagu-lagu al-Quran atau membaca al-Quran secara berlagu. Ia bertujuan untuk membezakan dengan istilah lagu-lagu yang lain seperti nasyid, qasidah, berzanji, tawsyih dan lain-lain.<sup>10</sup> Istilah ini lebih istimewa kerana diambil daripada hadis Nabi SAW sebagaimana hadis yang dinukilkan oleh Imam Ibn Hajar<sup>11</sup> yang diriwayatkan oleh 'Abd al-A'lā daripada Ma'ammar daripada Ibn Shihāb bahawa Baginda bersabda:

(ما أذن الله لشيء ما أذن لني في الترنم بالقرآن) أخرجه الطبري.

Maksudnya: (Tidak mendengar oleh Allah SWT bagi sesuatu seperti mendengarNya Allah kepada Nabi SAW pada bertarannum dengan al-Quran).

Dikeluarkan oleh al-Ṭabarī.

<sup>4</sup> Ibn al-Manzūr, Muḥammad bin Mukarram al-Afrīqiy al-Miṣrī, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1956), j. 12, h. 256. Jamā'ah min Kibār al-Lughawīyyin al-'Arab, *al-Mu'jam al-'Arab al-Asāsī li al-Nāṭiqīn bi al-'Arabiyyah wa Muta'allimihā* (Tūnis: Muassasah Lārūs al-'Ālamiyyah, 2003), 554.

<sup>5</sup> *op.cit.*, j. 17, h. 263. Lihat juga Labieb Saied, *Melagukan al-Qur'an* (Surabaya: Indonesia, t.t), h. 10.

<sup>6</sup> Perkataan *al-Laḥn* menurut Ibn al-Barriy membawa makna salah. Iaitu salah dalam enam bentuk: (1) I'rab. (2) Lughah. (3) Melagukan. (4) Fitnah. (5) Berpaling. (6) Makna. Lihat Ayman Rushdī Suwayd (1991), *al-Bayān li Ḥukm Qirā'ah al-Qur'ān bi al-Alḥān*, c. 1, Jaddah: al-Jamā'ah al-Khayriyyah li Taḥfīz al-Qur'ān al-Karīm, h. 13 dan 14.

<sup>7</sup> Al-Sheikh Aḥmad bin Aḥmad bin Muḥammad 'Abd Allāh al-Ṭawīl, *Fann al-Tartīl wa 'Ulūmuhū*, c. 1, (al-Madīnah al-Munawwarah: Maṭba'ah al-Awqāf al-Sa'ūdiyyah, 1999), j. 1, h. 157, 165 dan 179.

<sup>8</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Kaherah: Maktabah Miṣr, 1997), j. 3, h.118.

<sup>9</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Qur'an*, c. 1 (Kuala Lumpur: Meteor Doc, Sdn. Bhd., 2008), 2. Di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan taranum sebagai kaedah memperelok atau memperindah bacaan al-Quran secara berlagu. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Selangor: Dawama Sdn. Bhd., 2010), 1609.

<sup>10</sup> Napiah Sahrani (2001), *Qira'at dan Tarannum dalam Tilawah al-Qur'an*, Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Qur'an, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Selangor, h. 6.

<sup>11</sup> Al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Hajar (t.t.), *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 9, Mesir: al-Maktabah al-Salafiyyah, h. 71. Begitu juga di dalam riwayat 'Abd al-Razzāq bahawa Baginda bersabda: (... ما أذن لني في الترنم بالقرآن (حسن الصوت في الترنم بالقرآن). *Ibid.*, j. 9, h. 71 dan 'Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan'ānī (t.t.), *al-Muṣannaḥ Taḥqīq al-Sheikh Ḥabīb al-Raḥmān al-'Azamī*, j. 2, h. 482. Di dalam riwayat Abū Dāwūd dan al-Ṭaḥāwī meriwayatkan: (... لني حسن الترنم بالقرآن). Al-'Asqalānī, *op.cit.*, (t.t.), j. 9, h. 71.

Di Malaysia, istilah taranum telah menjadi sinonim dengan merujuk kepada taranum al-Quran, lagu-lagu al-Quran atau seni lagu al-Quran. Bagi negara arab, istilah taranum tidak masyhur kerana mereka menggunakan istilah *al-nagham* (النغم) dan *al-maqāmāt* (المقامات) untuk maksud taranum al-Quran termasuk juga negara Indonesia.<sup>12</sup>

Bukan semua orang yang membaca al-Quran boleh bertarannum bahkan ia adalah suatu anugerah daripada Allah kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Seseorang pembaca al-Quran yang mempunyai suara yang baik sekiranya menguasai ilmu taranum akan menambahkan lagi keindahan al-Quran sebagaimana sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Qurtubi iaitu:

( فَإِن الصَّوْتِ الْحَسَنِ يَزِيدُ الْقُرْآنَ حَسَنًا )<sup>13</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya suara yang elok akan menambahkan al-Quran menjadi elok.

Pelbagai metode diaplikasi oleh guru-guru taranum di Malaysia dalam pengajaran ilmu tersebut. Secara asasnya, metode tersebut tidak lari daripada *mushafahah* dan *talaqqi*. Walau bagaimanapun, pendekatan-pendekatan lain turut diperkenal oleh guru-guru taranum dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu ini bagi memudahkan murid-murid mereka dan menjadikannya lebih berkesan.

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan salah seorang tokoh ilmuan Islam yang termasyhur di Malaysia. Beliau menguasai pelbagai disiplin ilmu Islam di antaranya ilmu al-Quran, Feqah, Tafsir, Hadith dan lain-lain. Kepakaran yang paling menonjol pada diri beliau ialah dalam bidang tilawah al-Quran di mana boleh dikatakan beliau menguasai semua ilmu-ilmu berkaitan tilawah secara menyeluruh seperti ilmu qiraat, tajwid, taranum dan lain-lain. Di peringkat nasional, beliau adalah tokoh yang banyak mencurahkan jasa, mengorbankan tenaga dan menyumbangkan buah fikiran demi meningkatkan dan mengembangkan ilmu tilawah al-Quran di negara ini.

Jasa dan sumbangan beliau yang paling besar ialah dalam bidang taranum al-Quran. Kepakaran beliau yang mendalam dalam bidang tersebut sampai ke tahap beliau menjadi pakar rujuk kepada peminat-peminat ilmu taranum al-Quran dan kepada masyarakat Islam di Malaysia amnya. Artikel ini akan mengupas biografi Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari serta metode beliau dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu taranum.

<sup>12</sup> Napiah Sahrani (2001), *Qira'at dan Tarannum dalam Tilawah al-Qu'ran*, Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Qur'an, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Selangor, h. 6.

<sup>13</sup> Al-Qurtubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad, *al-Tizkār fī Afḍal al-Azkār* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1335H), 114.

## BIOGRAFI TAN SRI DATO' HAJI HASSAN AZHARI

### Nama dan Kelahiran

Nama penuh beliau ialah Hj. Hassan b. Hj. Azhari.<sup>14</sup> Dalam kalangan ahli keluarga dan anak-anak muridnya, beliau lebih dikenali dengan panggilan “Abu Ya”.<sup>15</sup> Beliau dilahirkan pada 18 Ogos 1928 di sebuah kampung yang dikenali dengan Syu‘īb ‘Āmir<sup>16</sup> di Makkah al-Mukarramah.<sup>17</sup> Beliau dibesarkan dalam suasana keluarga yang mementingkan ilmu agama.

### Salsilah Keturunan dan Keluarga

Salasilah keluarga Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari adalah daripada keturunan alim ulama di Nusantara. Ayahanda beliau bernama Hj. Azhari b. Hj. Abdul Khaliq yang merupakan seorang tokoh agama terkenal di negeri Selangor. Beliau dilahirkan pada tahun 1880M di kampung Arang-Arang Pantai Membaram, Sungai Gatal, Barabai Banjarmasin, Kalimantan, Borneo, Indonesia. Datuk beliau pula bernama Hj. Abdul Khaliq b. Hj. Abdul Rauf juga merupakan seorang tokoh ulama di Banjarmasin Indonesia.<sup>18</sup>

Bonda beliau bernama Hjh. Fatmah bt. Hj. Abdul Hakim. Datuk beliau iaitu Hj. Abdul Hakim adalah berketurunan daripada Padang, Sumatera, Indonesia dan juga merupakan seorang tokoh ulama yang lama belajar di tanah suci Makkah al-Mukarramah. Isteri beliau bernama Hjh. Zainab yang berkacukan Arab Mesir al-Ashnānī dan Padang, Indonesia (Minangkabau al-Khatib). Beliau fasih bertutur dalam bahasa Arab kerana beliau lama tinggal di Makkah al-Mukarramah.<sup>19</sup>

Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, hasil perkahwinan ayahanda dan bonda beliau, mereka telah dikurniakan tujuh orang anak. Beliau menceritakan bahawa adik beradik beliau semuanya dilahirkan di tanah suci Makkah. Lima orang daripada mereka meninggal dunia di Makkah sewaktu kecil. Dua orang daripadanya meninggal dunia kerana keguguran dan tiga lagi meninggal dunia sewaktu umur dalam lingkungan dua atau tiga tahun. Dua orang lagi yang masih hidup ialah Hj. Abdul Hakim dan beliau sendiri. Beliau merupakan anak yang bongsu.<sup>20</sup>

Beliau mempunyai 22 orang anak dari tiga orang isteri. 13 orang anak yang pertama hasil perkahwinan beliau dengan isteri pertama iaitu Sahara Abdul Samad yang meninggal dunia pada April 2004. Tiga orang anak lelaki yang pertama amat dikenali ramai iaitu bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, bekas ADUN Hulu Klang, Dato' Fuad Hassan yang kini menjawat jawatan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas atau JASA, Kementerian Penerangan dan seorang lagi pelakon terkenal negara iaitu Dato' Jalaluddin Hassan. Seorang lagi anaknya dengan isterinya Maimunah Abd. Ghani iaitu Mohammad Izzat Hassan megikuti jejak langkah abangnya Musa di dalam bidang kepolisan.<sup>21</sup>

<sup>14</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari pada hari Selasa 24 November 2008, pukul 5.30 di rumahnya sendiri Keramat Hujung, Dato' Keramat Kuala Lumpur.

<sup>15</sup> Temuramah dengan isteri yang tokoh iaitu Hjh. Maimunah bt. Abd Ghani pada hari Selasa 17 November 2008, pukul 5.30 petang di rumah beliau Keramat Hujung, Dato' Keramat Kuala Lumpur.

<sup>16</sup> Kampung Syu'ib 'Amir merupakan sebuah kampung yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Haram dan bersebelahan kampung Syu'ib 'Ali iaitu tempat kelahiran junjungan besar nabi Muḥammad s.a.w.

<sup>17</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari* (Kuala Lumpur: Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia, 2007), c. 1. h. 9.

<sup>20</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

<sup>21</sup> Layari <http://www.alquran.gov.my/tilawah/sejarah>.

## Pendidikan

Beliau dibesarkan dalam persekitaran keluarga dan masyarakat yang berilmu dan beragama. Beliau mempelajari al-Quran sejak kecil di Mekah. Di peringkat rendah, beliau mendapat pelajaran secara formal di Madrasah Dār al-‘Ulūm, Mekah di mana antara guru beliau yang terkenal ialah Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Beliau juga tidak ketinggalan belajar di Masjid al-Ḥarām antaranya dengan Sheikh Ismā‘īl Tamīm yang merupakan salah seorang imam masjid di Mekah.<sup>22</sup>

Ketika berusia lapan tahun, beliau berhijrah ke Malaya (Malaysia) bersama abangnya, Abdul Hakim dengan menaiki kapal laut selama beberapa bulan. Di Malaya, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Marta al-Ulum al-Diniyyah di Kuala Langat, Selangor seterusnya ke Sekolah Arab al-Hayah al-Mardiyyah di Kampung Jawa, Selangor. Sesudah itu, beliau menyambungkan pelajaran ke Madrasah AlJunied al-Islamiah, Singapura selama dua tahun untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Antara gurunya ialah Sayyid Abu Bakar al-Saqqaf dan Sheikh Abdullah al-Faqih.<sup>23</sup>

Kemudian, beliau menyambung pengajian ke Maahad al-Ulum (kini Sekolah Agama Menengah Hishamuddin, Kelang) dan memperoleh sijil Rābi‘ Thānawī. Bagi mendalami pengajian al-Quran, beliau kembali ke Mekah dan menyambung pengajian dengan Sheikh Ismā‘īl Tamīm.<sup>24</sup>

Beliau kemudiannya mempelajari bidang taranum dengan beberapa ulama terkenal antaranya Sayyid Maḥmūd Luṭfī ‘Āmir. Guru-guru al-Quran yang lain ialah Sheikh Maḥmūd al-Bukhārī (dalam riwayat Ḥafṣ daripada Imām ‘Āṣim), Sheikh Muḥammad ‘Abd Ṣamad, Dr. Aḥmad Nuayna‘ dan Sayyid Maḥmūd Amīn al-Ṭaṭṭawī (dalam riwayat Warsh daripada Imām Nāfi‘).<sup>25</sup>

## Keistimewaan

Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari mempunyai keistimewaan dari segi suranya yang merdu dan lunak.<sup>26</sup> Beliau telah diberi penghormatan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj untuk melaungkan azan sempena menyambut hari kemerdekaan Malaysia. Seminggu sebelum 31 Ogos 1957, Datuk Abdul Rahman Talib yang ketika itu Menteri Pelajaran telah datang meminta persetujuan daripada beliau untuk melaungkan azan. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan keadaan gembira dan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana negara Malaysia telah bebas daripada penjajah.<sup>27</sup>

Selain daripada suara beliau yang merdu, beliau juga seorang sangat petah bercakap bahasa arab samada ‘*ammī* atau *fushā*. Beliau adalah salah seorang panel penceramah kepada peserta-peserta tilawah al-Quran peringkat antarabangsa untuk menerangkan bagaimana syarat-syarat dan peraturan-peraturan tilawah. Kebanyakan peserta-peserta datang dari negara arab seperti Mesir, Jordan, Maghribi dan sebagainya.<sup>28</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid*

<sup>24</sup> *Ibid*

<sup>25</sup> *Ibid*

<sup>26</sup> Temuramah dengan isteri kedua tokoh iaitu Hj. Maimunah bt. Abd Ghani, *op. cit.*, pada hari Isnin, 24 November 2008, pukul 9.30 pagi, di rumah beliau Keramat Hujung, Dato’ Keramat Kuala Lumpur.

<sup>27</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.*, hlm . 52 dan 53.

<sup>28</sup> Temuramah dengan Ustaz Karim Bahagian Urusetia Antarabangsa Putrajaya pada hari Selasa 17 Februari 2009, di Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

## Karya, *Makhṭūṭāt*<sup>29</sup> dan Kertas Kerja

Dalam kesibukan beliau menggalas tanggungjawab mendidik anak-anak bangsa mendalami ilmu-ilmu al-Quran, beliau sempat menghasilkan beberapa tulisan sebagaimana berikut:

1. Beliau telah menulis sebuah risalah bertajuk “*Muqaddimah Ilmu Tajwid*” yang diterbitkan oleh persatuan Qurra’ Malaysia pada tahun 2001.
2. Terdapat beberapa karya yang turut dihasilkan akan tetapi masih dalam bentuk *makhṭūṭāt* yang bertajuk:
  - i. Fasahah dalam Pembacaan al-Quran.
  - ii. Siri Khas Mengenai Hukum Tajwid Amali dan Syaratnya-Bacaan al-Fatihah
  - iii. Perbezaan Nasyid Tradisi dan Nasyid Moden.
3. Beliau juga telah membenteng kertas kerja peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangaa, antaranya:
  - i. “Pemahaman Tajwid al-Quran dalam Masyarakat Globalisasi” yang dibenteng dalam seminar Kebangsaan Pengajian Al-Quran di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor pada 1-2 September 2001.
  - ii. “Penghayatan Ilmu tajwid al-Quran dan Amalannya dalam Masyarakat Hari Ini” yang dibentangkan dalam Seminar tajwid dan qira’at yang diadakan di Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya pada tahun 2003.
  - iii. “Keistimewaaan dan Kelemahan Tajwid dalam Pembacaan al-Quran: Pengamalan Penghakiman Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa” yang dibentangkan dalam Kursus Peningkatan, Pengembangan Taranum dan Qira’at Sab’ah, Kelas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz al-Quran Kementerian Pendidikan Malaysia pada 29 Oktober 1998.

## Penghargaan dan Penganugerahan

Sumbangan yang telah diberikan oleh Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari kepada agama, bangsa dan negara adalah amat besar terutamanya dalam meningkatkan pengajian tilawah al-Quran dari sudut tajwid, makhraj dan taranum. Sumbangan tersebut telah diberi pengiktirafan dan mendapat penghargaan daripada pelbagai pihak dalam bentuk penganugerah, pengisytiharan tokoh dan pengurniaan pingat atau darjah kebesaran.<sup>30</sup>

Jadual 1: Penghargaan dan anugerahan yang diterima oleh Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari bermula tahun 1964 sehingga tahun 2009

NO.	ANUGERAH	TAHUN
1.	Pingat Jasa Kebaktian Selangor (P.J.K)	1964
2.	Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M)	1978
3.	Kesatria Mangku Negara Kerajaan Persekutuan (K.M.N)	1981
4.	Darjah Dato’ Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor (D.S.S.A)	1986
5.	Johan Setia Mahkota Kerajaan Persekutuan (J.S.M)	1989

<sup>29</sup> *Makhṭūṭāt* ialah kitab atau nas yang ditulis dengan tangan yang belum dicetak.

<sup>30</sup> *Ibid*

NO.	ANUGERAH	TAHUN
6.	Anugerah Tokoh Guru Agama Negeri Selangor	1989
7.	Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah Wilayah Persekutuan	1990
8.	Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Selangor	1991
9.	Anugerah Khas Malam Seri Angkasa RTM	1997
10.	Anugerah Kehormat Dalam Pendidikan Dan Dakwah Kolej Darul Ehsan Selangor	1999
11.	Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan pada tahun 1423H	2002
12.	Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Yang Dipertuan Agong <sup>31</sup>	2009
13.	Dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana (Pengajaran al-Quran) Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Insaniah Ke-11	2009

## METODOLOGI TAN SRI DATO' HJ. HASSAN AZHARI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ILMU TARANNUM

Penulis telah membuat satu analisis melalui temubual secara formal dengan beberapa orang anak murid beliau, para hakim tilawah al-Quran dan beberapa qari serta qariah yang menyertai majlis tilawah al-Quran. Penulis mendapati ilmu taranum yang ada pada beliau boleh dikatakan amat meluas, diibaratkan seperti lautan ilmu. Boleh dikatakan bahawa ilmu taranum yang berkembang di Malaysia ini sebahagian besarnya adalah dari usaha beliau yang menyebarkan ilmu tersebut kepada masyarakat. Hal ini terbukti dengan meneliti dari sudut kaedah pengajian dan pengajaran ilmu taranum yang sedia diamalkan oleh guru-guru al-Quran di seluruh Malaysia di mana mereka didapati menggunakan kaedah yang hampir sama. Begitu juga dari sudut pembacaan para qari dan qariah semasa majlis tilawah al-Quran yang secara keseluruhan boleh dikatakan mengikut gaya dan teknik yang disebarkan oleh beliau samada dari segi burdah-burdah lagu, harakat lagu, istilah-istilah, penggunaan suara dan sebagainya.

Berdasarkan analisis kepada kaji selidik yang dibuat, penulis berjaya mengenalpasti dua (2) metodologi utama yang dibawa oleh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam penyebaran ilmu taranum al-Quran kepada masyarakat. Dua (2) metodologi utama tersebut ialah:

### Pertama: Metodologi Pengajaran

Mengikut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, untuk menguasai ilmu taranum al-Quran, seseorang qari dan qariah perlu melalui 4 perkara utama, iaitu:

1. *Talaqqī*<sup>32</sup> dan *Mushāfahah*<sup>33</sup> ( تلقى ومشافهة )

Metode ini merupakan metode yang sangat berkesan dalam pengajian ilmu taranum al-Quran. Ini adalah salah satu metode yang digunakan oleh anak-anak murid beliau dalam mendalami

<sup>31</sup> <http://www.kedah.gov.my/kehad/isi.asp>. Temuramah dengan Tan Sri Dato' Haji Hassan Bin Haji Azhari, *op. cit.*

<sup>32</sup> *Talaqqi* bererti pertemuan antara guru dengan murid secara berhadapan. Manakala *musyafahah* bererti sebutan yang diambil dari pergerakan dua bibir guru dan murid.

<sup>33</sup> Manakala *mushāfahah* bererti sebutan yang diambil dari pergerakan dua bibir guru dan murid.

ilmu ini iaitu *talaqqī* dan *mushāfahah*. Murid-murid berhadapan dengan beliau secara bersemuka, dengan erti kata yang lain, murid-murid dapat melihat dengan jelas pergerakan bibir sewaktu beliau membaca dan mengalunkan taranum. Begitu juga beliau dapat melihat dengan jelas pergerakan bibir murid sewaktu murid membaca al-Quran dan dalam masa yang sama beliau terus menegur, membaiki dan membuat penambahbaikan terhadap alaunan lagu yang diperdengarkan oleh anak-anak murid beliau.<sup>34</sup> Dengan kata lain, Murid-murid berhadapan dan membaca dengan membawa lagu, rentak, harakat dan nada suara yang sama sepertimana yang dialunkan oleh beliau. Kemudian murid-murid yang lain mendengar dan mempraktikkan lagu yang telah diajar kepada murid tersebut.

Menurut beliau, kaedah ini adalah terbaik bagi mempelajari pengajian taranum al-Quran kepada masyarakat. Kerana inilah satu-satunya cara yang telah berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w ketika menerima wahyu daripada malaikat Jibril a.s sejak mula diturunkan sehinggalah wafatnya baginda iaitu secara *talaqqī* dan *mushāfahah*.<sup>35</sup>

## 2. *Simā'ī* (سماعي)

Ini juga salah satu kaedah beliau yang digunakan dalam pengajian ilmu taranum. Sering mendengar bacaan taranum yang telah dipelajari daripada beliau atau banyak mendengar bacaan daripada qari-qari arab melalui media elektronik seperti radio, internet atau sebagainya. Kemudian cuba meniru lagu-lagu, harakat-harakat tersebut. Selepas itu, disusuli dengan membuat latihan bersendirian, maka lama-kelamaan akan melekatlah lagu-lagu tersebut dalam ingatan.<sup>36</sup>

## 3. *Takrīr* (تكرير)

Kaedah *takrir* adalah satu kaedah yang baik bagi pengajian taranum al-Quran kerana ia boleh menguatkan ingatan murid-murid. Pengajian cara ini lebih cepat dapat diikuti oleh murid yang mempelajarinya, kerana taranum bukan pelajaran yang dapat dilihat tapi lebih banyak mendengar dan membuat ulangan. Tanpa *takrir* atau ulangan pada mendengar dan menyebut, sudah pasti murid lambat berjaya mengikutinya. kaedah ini juga telah digunakan oleh beliau dengan corak dan gaya lagu yang telah diajar kepada murid-murid. Seperti contoh, apabila beliau membuat satu harakat lagu, maka murid-murid bergilir-bergilir mengulanginya yang sama. Namun, dengan cara ini, murid akan mudah mengingatinya.<sup>37</sup>

## 4. *Ādāb al-Tilāwah* (آداب التلاوة)

*Ādāb al-Tilāwah* bermaksud kesopanan atau adab seseorang para qari dan qariah terhadap pembacaan al-Quran. Dalam pengajian ilmu taranum al-Quran, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah menitik beratkan tentang adab-adab membaca al-Quran. Menurut beliau, jika seorang pembaca itu membaca dengan hebat dari segi tajwid, suara yang merdu dan lagu, akan tetapi tidak menjaga adab-adabnya maka ia sia-sia sahaja di sisi Allah s.w.t. Antara adab-adabnya ialah:<sup>38</sup>

- i. Ikhlas kepada Allah SWT

<sup>34</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, pada hari Isnin, 30 Ogos 2010, di rumahnya di Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur .

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid*

<sup>37</sup> *Ibid*

<sup>38</sup> *Ibid.*



Perkara pertama patut diniatkan oleh para qari dan qariah ialah untuk mendapat kerediaan Allah SWT kerana membaca al-Quran itu merupakan satu ibadah. Jangan ada niat untuk mencapai tujuan-tujuan keduniaan semata-mata samada harta, pangkat, pujian manusia dan sebagainya. Firman Allah SWT:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ  
الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾ ٣٩

Bermaksud: *Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah S.W.T dengan mengikhhlaskan ibadah kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar.*

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ ٤٠

Bermaksud : *Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat, dan sesungguhnya setiap orang mempunyai niat.*

- ii. Khusyuk dan bertadabur semasa membaca al-Quran.  
Sepertimana firman Allah SWT:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾ ٤١

Bermaksud: *Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah S.W.T, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.*

- iii. Membaca dengan teliti dan berhati-hati mengikut hukum tajwid.  
Firman Allah SWT:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ ٤٢

Bermaksud: *Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah al-Quran dengan tartil.*

- iv. Membaca dengan suara yang baik.  
Sabda Rasulullah SAW :

رَتَّبُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ ٤٣

<sup>39</sup> Surah al-Bayyinah (98): 5.

<sup>40</sup> Al-Imām al-Bukhārī mengeluarkan hadis ini di dalam sahihnya sebanyak tujuh tempat iaitu no. 1, no. 54, no. 2529, no. 3898, no. 5070, no. 6689 dan no. 6953. Lihat al-Bukhārī, al-Imām Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Bad’i al-Waḥy, no. 1, c. 1, (Damshiq-Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2002), h. 7.*

<sup>41</sup> Surah al-Nisā’ (4):82.

<sup>42</sup> Surah al-Muzammil (73): 4

<sup>43</sup> Lihat Ibn Hibbān, Muḥammad bin Hibbān bin Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī al-Bustī (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Taḥqīq Shu‘iyb al-Arna‘ūt, Bāb Dhikr Ibāḥah Taḥsīn al-Qārī Ṣawtuhū bi al-Qur‘ān*, Beirut: Muassasah al-Risālah, j. 3, h. 25. Hadith ini menurut pendapat Imam al-Shāfi‘ī bermaksud Rasulullah s.a.w menggalakkan umatnya supaya mengelakkan suaranya ketika membaca al-Quran bukanlah

Bermaksud: *Hiasilah al-Quran dengan suara mu.*

- v. Menangis ketika membaca al-Quran.

Sabda Rasulullah s.a.w:

اَفْرُقُوا الْقُرْآنَ وَابْكُوا ، فَإِنْ لَمْ تَبْكُوا فَتَبَاكُوا؛

Bermaksud: *Bacalah al-Quran dan menangis, jika kamu tidak menangis, maka kamu buat-buatlah menangis.*

- vi. Sunat berwuduk, memakai pakaian bersih dan tempat yang bersih.  
vii. Mengadap kiblat di waktu membaca al-Quran.  
viii. Pembaca al-Quran mestilah suci daripada hadas besar dan kecil iaitu dalam keadaan berwuduk.  
ix. Menjauhkan sifat yang dapat menghilangkan kehormatan al-Quran seperti ketawa, bermain-main dan sebagainya.

### **Kaedah dan Teknik Mengajar**

Dalam mengajar ilmu taranum al-Quran, beliau menggunakan metodologi tersendiri supaya masyarakat mudah menerima dan memahaminya. Menurut beliau, masyarakat mempunyai tahap pembacaan al-Quran yang berbeza. Oleh itu, kaedah mengajar mestilah mengikut kesesuaian tahap ilmu masyarakat masing-masing. Dalam pengajaran ilmu taranum al-Quran, penulis dapat menggarap metodologi-metodologi beliau seperti berikut:<sup>45</sup>

1. Peringkat tidak ada asas

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari membimbing pelajar yang tidak mempunyai asas ilmu taranum dengan kaedah memberi penerangan yang ringkas iaitu perkara-perkara asas dalam taranum seperti pengenalan lagu-lagu, suara, *ḥarākah-ḥarākah*, tajwid, *faṣāḥah* dan beberapa perkara lain lagi. Beliau mengajar kepada murid tersebut dengan hanya satu atau dua *ḥarākah* dalam satu lagu iaitu lagu *Bayyātī*. Kemudian beliau menunjuk contoh alunan lagu pada *ḥarākah* pertama, kedua dan ketiga. Kemudian beliau meminta murid-murid beramai-ramai mengikut dan mengulangnya beberapa kali. Selepas itu, beliau meminta setiap orang murid satu persatu mencuba sehingga murid-murid dapat menguasainya mengikut kehendak beliau.

Pada pengamatan penulis, pengajaran kepada murid-murid di peringkat ini, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari lebih banyak memberi penekanan kepada aspek membetulkan bacaan al-Quran dari sudut tajwid dan *faṣāḥah*. Ini adalah kerana beliau sangat perihatin terhadap membaca al-Quran yang bertajwid jikalau tidak, bacaan tersebut akan menjadi *ghuluww* dan haram dengan mengambil berat terhadap taranum atau lagu sahaja. Dalam bacaan

---

bermaksud mengutamakan lagu daripada peraturan yang ada pada al-Qur'an itu lebih-lebih lagi ketika membacanya. Mengelakkan bacaan itu ialah dengan suara yang baik, sebutan yang betul boleh menarik perhatian pendengar dan pembaca dengan penuh minat serta penuh kesedaran. Lihat juga al-Naysaburi, Abu Husayn Muslim bin Hajjaj al-Qusyayri (t.t): *Sahih Muslim, bi Syarh Nawawi*, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah , Beirut. j. 5. h. 78-79.

<sup>44</sup> Hadis ini dinukilkan oleh al-Imām al-'Asqalānī di dalam *Fath al-Bārī* daripada Sa'ad bin Abī Waqāṣ. Lihat al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, c. 1, (al-Riyad: Dār al-Salām, 2000), j. 9, h. 90.

<sup>45</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*,

atau pengajaran al-Quran, beliau sentiasa mendahulukan tajwid dan *faṣāḥah* sebelum bertarannum.<sup>46</sup>

## 2. Peringkat Mempunyai Asas

Pada peringkat ini, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari akan menggunakan tahap yang kedua iaitu mengajar dengan menekan lebih kepada aspek kaedah suara dan susunan *ḥarākah- ḥarākah* dalam lagu-lagu. Beliau mengajar dengan mengalunkan 3 jenis lagu iaitu *Bayyātī*, *Nahāwand* dan *Rast*. Lagu-lagu inilah yang akan dipelajari terlebih dahulu sehingga murid-murid dapat menguasai sepenuhnya dari segi susunan *ḥarākah- ḥarākah* dan kedudukan suara pada setiap lagu tersebut. Kemudian beliau meminta murid-murid secara beramai-ramai mengikutinya. Selepas itu, beliau meminta beberapa orang murid megalunkan secara bersendirian dengan lagu-lagu yang diajar tersebut, dalam masa yang sama beliau menegurnya dan murid-murid yang lain mendengar.<sup>47</sup>

## 3. Peringkat Dapat Menguasai Lagu

Peringkat ini adalah untuk mengemaskan lagi taranum dan yang ingin menyertai tilawah al-Quran. Bagi murid-murid yang sudah dapat menguasai lagu-lagu, maka beliau meminta murid seorang demi seorang membacanya, kemudian beliau membetulkannya. Jika terdapat kekurangan dalam alunan taranum yang dibacakan maka beliau terus menegur. Murid-murid yang lain mesti memberi perhatian terhadap teguran beliau supaya dapat mempraktik dalam bacaan mereka. Teknik Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mengajar taranum kepada murid-muridnya adalah mengikut kemampuan dan kesesuaian suara-suara mereka. Murid lelaki dan perempuan berbeza dari sudut teknik turutan persembahan lagu-lagu yang dialunkan. Jikalau murid lelaki, kebiasaannya beliau meminta membawa lagu-lagu seperti *Bayyātī*, *Nahāwand*, *Rast* dan *Jihārkāh*. Ini adalah sesuai dengan suara lelaki yang kasar dan tegas. Murid perempuan pula dimulai dengan *Bayyātī*, *Ṣaba*, *Nahāwand* dan *Rast* kerana suara perempuan suaranya yang tinggi, halus dan mendayu-dayu. Bagi beliau, kesemua lagu beliau minati dan mahir, akan tetapi bergantung dari sudut kesesuaian individu murid tersebut.<sup>48</sup>

Kebiasaannya, apabila beliau sudah selesai mengajar ilmu taranum, beliau akan meminta anak murid seorang demi seorang memperdengarkan bacaan mereka dan beliau akan menegurnya jika ada alunan yang sumbang. Ini adalah untuk memastikan yang mereka betul-betul faham dan boleh mengikuti apa yang diajar oleh beliau.<sup>49</sup>

## Kedua: Metodologi Pembelajaran

Dalam pengajian ilmu taranum ini, beliau telah mengklasifikasikan dua bahagian iaitu taranum *al-uṣūl* dan taranum *al-furū'*. Kedua-dua jenis taranum ini telah pun menjadi masyhur di Malaysia sekarang ini.<sup>50</sup>

### 1. Taranum *al-Uṣūl* (الأصول)

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid*

<sup>48</sup> *Ibid*

<sup>49</sup> *Ibid*

<sup>50</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*, pada hari Isnin, 7 Ogos 2010, di rumahnya Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur. Lihat juga pada buku haji Abdul Ghani Ariffin, *Panduan Tajwid Dan Tarannum*, Kuala Lumpur: Sarjana Media, c. Pertama, h. 57-58.

i. *Al-Bayyātī* (البياتي)

Perkataan “Bayyati” dari segi bahasa beerti rumah. Manakala istilah ilmu taranum pula ialah suatu jenis alunan taranum yang dipopularkan oleh qari arab terutama Mesir.<sup>51</sup>

ii. *Al-Sabā* (الصبا)

Perkataan “Saba” dari segi bahasa membawa makna rindu. Manakala dari segi Istilah ilmu taranum pula ialah nama bagi suatu jenis alunan taranum yang dipopularkan oleh pakar taranum arab mengikut budaya mereka.<sup>52</sup>

iii. *Al-Hijāz* (الحجاز)

Perkataan “Hijaz” dari segi bahasa ialah satu kawasan yang terletak di negara arab Su’udi iaitu Mekah dan Madinah. Pada Istilah ilmu taranum pula ialah suatu jenis alunan taranum yang dipopularkan oleh qari Hijazi mengikut budaya bangsa yang hidup dikawasan padang pasir tandus yang berbukit bukau. Kemudian lagu ini dibawa ke Mesir dan berkembang pula di lembah sungai Nil. Kemudian lagu ini dikenali dengan lagu Hijazi Misri.<sup>53</sup>

iv. *Al-Nahāwand* (النهاوند)

Perkataan Nahawand dari segi bahasa adalah nama bagi satu tempat yang terletak di daerah Hamadan Parsi atau dikenali dengan negara Iran. Manakala Istilah ilmu taranum pula ialah nama bagi satu jenis alunan lagu yang dipopularkan oleh qari daerah tersebut mengikut citarasa budaya mereka. Kemudian lagu ini digubah semula oleh para qurra’ Mesir.<sup>54</sup>

v. *Al-Rast* (الرست)

Perkataan *Rast* bermaksud benar-benar lurus. Menurut Dato’ Hj. Nik Jaafar Nik Ismail bahawa taranum ini berasal dari Parsi Iran kemudian diubah suai oleh orang-orang arab Mesir dan ia menjadi terkenal dan lagu yang paling popular yang diamalkan di kalangan qari-qari Mesir.<sup>55</sup>

vi. *Al-Sīkāh* (السيكاه)

Taranum Sikah juga berasal dari Parsi Iran yang telah dipopularkan oleh para qari seluruh dunia mengikut lajhah arab Hijazi bermula kurun ke-7 hingga ke 19M. sehingga kini ia telah dipopularkan semuala oleh qari Mesir yang dikenali dengan Sikah Misri.<sup>56</sup>

vii. *Al-Jihārkāh* (الجهاركاه)

Taranum Jiharkah atau Jaharkah ini adalah sebuah irama lagu dari Parsi. Menurut sebahagian pendapat, taranum ini berasal dari benua Afrika. Sebahagian yang lain mengatakan ia berasal dari sempadan semenanjung tanah Arab dengan Iran dan afghanistan. Taranum ini telah diterima pakai oleh Qari Hġjāzī dan kini telah dipopularkan oleh para qari Mesir.<sup>57</sup>

## 2. Taranum *al-Furū’* (الفروع)

Taranum *al-furu’* pula sebagai taranum yang menjadi pelengkap kepada taranum *al-uṣūl*. Tujuannya adalah untuk mencantikan lagi pergerakan alunan lagunya. Taranum *al-furu’*

<sup>51</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dārul Fikir, 1990), c. 1, h. 46.

<sup>52</sup> Hj. Nik ja’far bin Nik Ismail, *Qawa’id al-Tarannum* (Kuala Lumpur: Dārul Fikir, 2014), c. 6, h. 134.

<sup>53</sup> *Ibid*, h. 135.

<sup>54</sup> *Ibid*, h. 139.

<sup>55</sup> *Ibid*, h. 142.

<sup>56</sup> *Ibid*, h.143.

<sup>57</sup> *Ibid*, h.145.

mempunyai banyak jenis yang setiap satunya mempunyai nama-nama yang tersendiri. Antara yang masyhur ialah.<sup>58</sup>

1. 'Ajam (عجم) <sup>59</sup>
2. *Kurdī* (کردی) <sup>60</sup>
3. *Shūrī* (شوری) <sup>61</sup>
4. 'Irāqī (عراقي) <sup>62</sup>
5. *Husaynī* (حسيني) <sup>63</sup>
6. 'Ushaq (عشق) <sup>64</sup>
7. Terdapat juga taranum furuk yang lain seperti *Kard kurd*, *Bastanjār*, *Nakrīz*, *Māhūr* dan lain-lain

Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, taranum al-Quran mempunyai dua aliran iaitu aliran *Misrī* dan *Hijāzī*. Beliau telah merumuskan taranum *Misri* dengan singkatan perkataan (صُنْعٌ بِسَجْرٍ) yang membawa maksud:<sup>65</sup>

1. Huruf ( ص ) *Saba*.
2. Huruf ( ن ) *Nahāwand*
3. Huruf ( ع ) 'Ajam
4. Huruf ( ب ) *Bayyātī*
5. Huruf ( س ) *Stkāh*
6. Huruf ( ح ) *Hijāz*
7. Huruf ( ر ) *Rast*

Manaka *Hijāzī* pula, dengan singkatan perkataan (بِحُمْرٍ دَسَجٍ) yang membawa maksud:

1. Huruf ( ب ) *Banjākah*.

<sup>58</sup> *Ibid*, h. 132, 130, 138, 141 dan 148.

<sup>59</sup> Taranum 'Ajam adalah berasal dari negeri Parsi ianya telah diterima pakai sebagai taranum al-Quran oleh pakar qari Negara Hijaz dengan sedikit ubahsuai mengikut *zuq* budayanya.

<sup>60</sup> Taranum *Kurdī* ialah nama satu bangsa dari rumpun bangsa arab yang tinggal disuatu kawasan yang terletak di Asia tengah iaitu di antara Negara Turki dan Iraq.

<sup>61</sup> Taranum *Shūrī* adalah salah satu alunan furuk di dalam lagu *Bayyātī* yang berperanan memperlokkan lagi bacaan lagu *Bayyātī* dan mengaktifkannya.

<sup>62</sup> Taranum *Irāqī* adalah nama bagi sebuah negeri yang bersempadan dengan negeri-negeri Arab Saudi, Kuwait dan Iran yang mana penduduk terdiri dari rumpun bangsa Arab tulin.

<sup>63</sup> Perkataan *Husaynī* bererti cantik, anggun atau indah. Ia berasal dari Arab *Hijāzī* yang diubah suai dan digubah semula oleh Qurra' Mesir.

<sup>64</sup> Perkataan 'Ushaq bererti rindu atau cinta.

<sup>65</sup> Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari pada hari Isnin, 7 Ogos 2010, di rumahnya Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur .

2. Huruf ( ح ) *Husaynī*
3. Huruf ( م ) *Mayyah*
4. Huruf ( ر ) *Rakbī*
5. Huruf ( د ) *Dukkah*
6. Huruf ( س ) *Sūkāh*
7. Huruf ( ج ) *Jihārkhāh*

### Penggunaan Istilah-Istilah dalam Ilmu Taranum

Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, dalam ilmu taranum juga terdapat istilah-istilah yang khusus. Ianya berbeza dengan taranum-taranum yang lain seperti qasidah, barzanji dan sebagainya. Istilah-istilah ini mesti diketahuai oleh para qari dan qari'ah. Tanpa ciri-ciri ini ia tidak dapat dinamakan taranum bi al-Qur'an. Antaranya:<sup>66</sup>

1. *Al-Harakah / al-Jumlah* (الحركة / الجملة)<sup>67</sup>
2. *Al-Burdah* (البردة)<sup>68</sup>
3. *Al-Qiṭ'ah* (القطعة)<sup>69</sup>
4. *Ikhtilāl al-Lahn* (إختلال اللحن)<sup>70</sup>
5. *Al-Wuṣlah* (الوصلة)<sup>71</sup>
6. *Al-Mahaṭṭah* (المحطة)<sup>72</sup>
7. *Al-Ṭabaqāt* (الطبقات)<sup>73</sup>
8. *Al-Salālim* (السلام)<sup>74</sup>

---

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> *Harakah* ialah gaya alunan sesuatu taranum yang tersusun daripada beberapa *qiṭ'ah* dengan *mahaṭṭah* yang tertentu. *Harakah* terbahagi kepada dua iaitu *harakah* yang sempurna dan *harakah* tidak sempurna. Lihat juga dalam buku Ustaz Hasan Mahmud al-Hafiz (1986), *Pelajaran Ilmu Tajwid al-Quran*, Kuala Lumpur: Dinie publisher, h. 14.

<sup>68</sup> *Burdah* ialah bunga-bunga atau getaran suara yang bersesuaian dan menarik ketika mengalunkan bacaan taranum. *Burdah* terbahagi kepada dua iaitu *burdah aṣlī* dan *burdah ṣinā'ī*.

<sup>69</sup> *Qiṭ'ah* ialah gaya rentak taranum yang paling pendek tanpa *mahaṭṭah* yang tertentu. *Qiṭ'ah* terbahagi kepada dua iaitu *qiṭ'ah* pada ayat dan *qiṭ'ah* pada makna.

<sup>70</sup> *Ikhtilāl al-lahn* ialah kesumbangan nada suara yang disengajakan mengikut irama dan *tabaqah* suatu taranum. Ia berlaku pada jumlah *harakah* dan pada *mahaṭṭah*.

<sup>71</sup> *Wuṣlah* ialah gabungan lagu untuk mengindahkan bacaan. *Wuṣlah* terbahagi kepada dua iaitu *wuṣlah* pada harakat ke harakat lagu yang lain dan *wuṣlah al-mumāṭhalah* ialah suatu gaya *harakat* yang bercampur dari dua gaya taranum yang berlainan. Ia berlaku kepada lagu *al-uṣūl* dan *al-furū'*.

<sup>72</sup> *Mahaṭṭah* ialah gaya penghujung (perhentian) suatu *harakah* atau taranum. *Mahaṭṭah* juga terbahagi kepada dua iaitu *mahaṭṭah* sempurna dan *mahaṭṭah* tidak sempurna.

<sup>73</sup> *Ṭabaqah* ialah suatu tingkatan atau tahap suara yang berkaitan dengan sesuatu taranum yang tertentu.

<sup>74</sup> *Al-Salālim* ialah gerakan suara mengikut tangga. terbahagi kepada dua iaitu *salālim nuzūl* iaitu tangga suara menurun. Dan *salālim ṣu'ūd* iaitu tangga suara menaik.

9. *Al-Maqām* (المقام)<sup>75</sup>
10. *Al-Takrīr* (التكرير)<sup>76</sup>
11. *Al-Wazn* (الوزن)<sup>77</sup>
12. *al-Khitām* (الختام)<sup>78</sup>
13. *Al-Sulayfiyyah* (السليفيه)<sup>79</sup>
14. *Al-Lahjah* (اللهجة)<sup>80</sup>
15. *Intiqāl al-Maqām* (انتقال المقام)<sup>81</sup>

### KESIMPULAN

Melalui kajian yang dilakukan berasaskan data-data primer dan sekunder dapat dipastikan bahawa Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari adalah merupakan tokoh taranum yang sangat berjasa dan berperanan penting dalam perkembangan ilmu tersebut di Malaysia. Beliau mengambil tanggungjawab mengajar dan melatih qari serta qariah negara dengan tanpa mengenal jemu sehingga ke peringkat umurnya melewati lebih lapan puluh tahun. Pendekatan beliau dengan menggunakan metode pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri dan berkesan terutama metode pengajaran beliau menurut keupayaan pelajar telah berjaya melahirkan ramai qari dan qariah pelapis di dalam Negara ini. Pengistilahan baru yang diperkenalkan oleh beliau pula banyak membantu dalam proses pembelajaran seterusnya membuka lembaran baru dalam bidang taranum al-Quran di Negara ini.

### RUJUKAN

- 'Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan'ānī, *al-Muṣannaḡ Taḡḡiq al-Sheikh Ḥabīb al-Raḡmān al-A'azamī* (t.c.).
- Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari* (Kuala Lumpur: Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia, 2007).
- Abū Mujāhid, 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Fattāḡ al-Qārī, *Sunan al-Qurrā' wa Manāḡij al-Mujawwidīn*, (al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-Dār, 1414H)
- Al-'Asqalānī, Aḡmad b. 'Alī b. Ḥajar, *Fatḡ al-Bārī Sharḡ Ṣaḡīḡ al-Bukḡārī*, (al-Riyād: Dār al-Salām, 2000).
- Al-'Asqalānī, Aḡmad bin 'Alī bin Ḥajar, *Fatḡ al-Bārī bi Sharḡ Ṣaḡīḡ al-Bukḡārī* (Mesir: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t).
- Al-Bukḡārī, al-Imām Abū 'Abd Allāḡ Muḡammad bin Ismā'īl, *Ṣaḡīḡ al-Bukḡārī*, cet. 1, (Damshiq-Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2002).
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad b. Muhammad, *Iḡya' 'Ulum al-Dīn* (Kaherah: Maktabah Misr, 1997)

<sup>75</sup> Kedudukan sesuatu lagu yang berada di atas landasannya.

<sup>76</sup> *Al-Takrīr* ialah berulang lagu, *burdah* atau *ḡarakah* dalam bacaan.

<sup>77</sup> *Al-Wazn* iaitu imbalan suara ketika hendak perpindahan lagu ke lagu.

<sup>78</sup> *Al-Khitām* iaitu penutup *ḡarakah* lagu-lagu.

<sup>79</sup> Suara yang paling tinggi melebihi *ḡabaqat* suara *jawāb al-jawāb*. Kebiasaannya dibuat pada lagu *rast*.

<sup>80</sup> *Al-Lahjah* ialah dialek kearaban.

<sup>81</sup> *Intiqāl al-Maqām* ialah perpindahan dari satu lagu ke satu lagu yang lain.

- Al-Imam Zainuddin Ahmad b. Abdul Latif Al-Zubaydi, *Mukhtasar Sahih al- Bakhari al- Musamma al-Tajrid al-Sarih li Ahadith Al-Jami' al-Sahih* (Beirut: Dār Al-Nafais, 1985).
- Al-Imām Zayn al-Dīn Aḥmad ‘Abd Latīf al-Zubaydī, *Mukhtasar Ṣaḥīḥ al- Bukhārī al- Musammā al-Tajrīd al-Ṣarīḥ li Ahādīth al-Jāmi’ al- Ṣaḥīḥ*, (Beirut: Dār Al-Nafā’is, 1985).
- Al-Naysābūrī, Abū Ḥusayn Muslim b. Hajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t)
- Al-Naysaburi, Abu Husayn Muslim b. Hajjaj al-Qusyayri, *Sahih Muslim, bi Syarh Nawawi* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t)
- Al-Qurtubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad, *al-Tizkār fī Afḍal al-Azkār* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1355H).
- Al-Sheikh Aḥmad bin Aḥmad bin Muḥammad ‘Abd Allāh al-Ṭawīl, *Fann al-Tartīl wa ‘Ulūmuhū*, c. 1, (al-Madīnah al-Munawwarah: Maṭba‘ah al-Awqāf al-Sa‘ūdīyyah, 1999).
- Ayman Rushdī Suwayd, *al-Bayān li Ḥukm Qirā’ah al-Qur’ān bi al-Alḥān*, c. 1, (Jaddah: al-Jamā‘ah al-Khayriyyah li Taḥfīz al-Qur’ān al-Karīm, 1991).
- Al-Zuḥaylī, Wahbah Muṣṭafā, *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al- Sharī‘ah wa al- Manhaj* (Lubnan: Dār al-Fikr al-Mu’asir, 1991).
- Dewan Bahas adan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Selangor: Dawama Sdn. Bhd., 2010).
- Haji Abdul Ghani Ariffin, *Panduan Tajwid Dan Tarannum* (Kuala Lumpur: Sarjana Media).
- Hj. Nik Ja’far bin Nik Ismail, *Qawa’id al-Tarannum* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2014).
- Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, (Kuala Lumpur: Meteor Doc, Sdn. Bhd., 2008).
- Ibn al-Manzūr, Muḥammad bin Mukarram al-Afrīqiy al-Miṣrī, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1956).
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad b. Ḥibbān b. Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī al-Bustī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Taḥqīq Syu‘īb al-Arna’ūt*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1993).
- Ilyas, *Modern Dictionary Arabic English* (Beirut : Dār Jail, 1972).
- Jamā‘ah min Kibār al-Lughawīyyin al-‘Arab, *al-Mu’jam al-‘Arab al-Asāsī li al-Nāṭiqīn bi al-‘Arabiyyah wa Muta‘allimihā* (Tūnis: Muassasah Lārūs al-‘Ālamiyyah, 2003).
- Labieb Saied, *Melagukan al-Qur’an* (Surabaya: Indonesia, t.t)
- Majma‘ al-Turāth al-Lughah al- ‘Arabiyyah, *al-Mu’jam al-Waṣīf*, (Turkiyyah: Maktabah al-Islamiyyah, t.t).
- Mannā’ Qaṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997).
- Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1990).
- Napiah Sahrani, *Qira’at dan Tarannum dalam Tilawah al-Qu’ran*, Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Qur’an, (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2001). .
- Sayyid al-Sheikh Muḥammad Sayyid al-Ṭantawī, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Kaheerah: Dār al-Shurūq, 1998).
- Surur Shihabuddin An-Nadawi, *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafz ‘An Asim Melalui Tariq asy-Syatibiyyah* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2014)
- Ustaz Ahmad Sonhadji Muhammad, *Tafsir al-Quran di Radio* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., 1997).
- Ustaz Hasan Mahmud al-Hafiz, *Pelajaran Ilmu Tajwid al-Quran* (Kuala Lumpur: Dinie Publisher, 1986).
- Zulkifli Hj. Mohd Yussof, *Kunci Mengenal al-Quran* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996).



**Temuramah**

Temuramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari di kediaman beliau di Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur.

Temuramah dengan Hjh. Maimunah bt. Abd Ghani, isteri Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari di kediaman beliau di Keramat Hujung, Dato' Keramat, Kuala Lumpur.

Temuramah dengan Ustaz Karim Bahagian Urusetia Antarabangsa Putrajaya pada hari Selasa, 17 Februari 2009, di Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**Laman Sesawang**

<http://www.alquran.gov.my/tilawah/sejarah>.

<http://www.kedah.gov.my/kehad/isi.asp>